



## منتري سومبر ۲ اوتام دان قلنچوشن

MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SIARAN AKHBAR

---

#### MAJLIS SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU 'ALAIHI WASSALAM 1442H/2020 KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Hari Sabtu, 14 Rabiulawal 1442H / 31 Oktober 2020

**Bandar Seri Begawan** - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) hari ini telah mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam 1442H bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya sempena memperingati Hari Keputeraan junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu 'Alahi Wassalam. Majlis diadakan di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di Jalan Menteri Besar.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir ke majlis ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap KSSUP, Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali, Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan) KSSUP, [Yang Mulia Awang Haji Abdul Halidi bin Haji Mohd Salleh, Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP] Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KSSUP dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah. Majlis diteruskan dengan Ceramah Khas bertajuk "Sejauh Mana Kebenaran Rasulullah Itu Dijadikan Tauladan Dan Tanggungjawab Sebagai Kakitangan Kerajaan" yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Abdul Rahman bin Haji Ajak, Pengasas Bersama Al-Minhaaj Centre.

Majlis diserikan dengan persembahan Dikir Syarafil Anam oleh pasukan dikir yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

---

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat bagi merahmati lagi majlis tersebut.

Disediakan oleh:

**Jabatan Perhutanan**  
**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**  
**Negara Brunei Darussalam**

Tarikh: 14 Rabiulawal 1442H / 31 Oktober 2020